

# Wajah mangsa beransur pulih

Sinar 3/3/12 MS 15.

NORHAFIZA MUSA

**KUALA TERENGGANU** – Mangsa simbah asid di Padang Merchang, Marang kini sudah mula berselera untuk menjamah makanan dan minum tanpa perlu mengharap-kan bantuan ahli keluarganya selepas selamat menjalani pembedahan pada 23 Februari lalu.

Selepas menjalani pembedahan, Mohd Fazil Hanafi Idrus, 18, bukan sahaja tidak lagi memerlukan bantuan ketika makan dan minum, tetapi sudah boleh bergerak sendiri berbanding sebelum ini dia terpaksa meng-



Remaja disimbah asid

harapkan bantuan ahli keluarga. Malah kesan melecur akibat disimbah asid pada wajahnya juga sudah beransur pulih.

“Selepas menjalani pembedahan, saya terpaksa makan ubat penahan sakit mengikut jadual ditetapkan, kesan pembedahan yang dijalankan tempoh hari. Tetapi sekarang sakitnya sudah semakin berkurangan berbanding sebelum ini,” katanya.

Menurutnya, dia tidak kisah berapa lama terpaksa tinggal di hospital asalkan dapat pulih sepenuhnya bagi menjalani kehidupan seperti biasa.

Malah, dia berasa lega apabila melihat ramai rakannya dari Kampung Padang Merchang datang melawatnya di hospital.

## Tak maaf hingga akhir hayat

**DITANYA** adakah dia dapat meneka siapakah gerangan yang melakukan perbuatan tersebut, dia hanya menggeleng, tetapi dia tidak akan memaafkan orang yang melakukan

perbuatan itu terhadapnya sehingga akhir hayat.

Sementara itu, bapa mangsa, Idrus Mat Noh, 54, ketika ditemui Sinar Harian semasa membuat lawatan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) semalam, turut melahirkan rasa gembira apabila melihat keadaan anaknya, yang semakin beransur pulih itu.

“Lega sedikit melihat keadaan dirinya selepas pembedahan. Dia sudah boleh makan dan juga minum sendiri tanpa mengharap-kan bantuan. Namun, adalah mustahil untuk dia pulih sepenuhnya dalam masa terdekat ini.

“Tetapi melihat perkembangannya sekarang, kami sekeluarga berasa sangat lega. Jika sebelum ini, setiap hari dia ditemani ibunya, Zaliha Ishak, 43. Sekarang kami hanya menjenguknya pada waktu siang, sama ada petang atau pagi,” katanya.

## Tinggal dua bulan di hospital

**MENURUTNYA**, dia juga dimaklumkan oleh pihak hospital bahawa anaknya terpaksa tinggal di situ selama lebih kurang dua bulan bagi memudahkan pihak hospital memantau kecederaan yang dialami akibat simbahan asid itu.

Sebelum ini Sinar Harian melaporkan, seorang remaja yang sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan seorang rakannya melecur setelah disimbah cecair, dipercayai asid, dalam satu insiden awal pagi di Kampung Padang Merchang di sini.



“Lega sedikit melihat keadaan dirinya selepas pembedahan. Dia sudah boleh makan dan juga minum sendiri tanpa mengharap-kan bantuan. Namun, adalah mustahil untuk dia pulih sepenuhnya dalam masa terdekat ini.”

Idrus

Kejadian kira-kira jam 5.10 pagi pada 19 Februari itu berlaku ketika Mohd Fazil Hanafi Idrus, 18, dan Sharul Zaman Salim, 38, sedang nyenyak tidur bersama empat lagi rakan mereka di sebuah rumah bujang selepas menonton perlawanan bola sepak.

Mohd Fazil melecur pada bahagian muka, tangan, badan serta kedua-dua kaki manakala Sharul Zaman, yang bekerja sebagai nelayan, cedera pada muka.



Fazil sudah boleh mengangkat tangan kanannya.